



Artikel Penyelidikan

# Mustaffa Din (Mus May): Warna Warni Kehidupan Seorang Rocker.

Noor Rahmawati Alias<sup>1,\*</sup>, Fatin Nur Zulkipli<sup>2</sup>, Muhammad Amirul Hakimi Othman<sup>3</sup>, & Siti Hezel Sophia Zamri<sup>4</sup>

<sup>1</sup> UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;  0000-0001-5788-4343;

<sup>2</sup> UiTM Cawangan Kelantan; fatinnurzul@uitm.edu.my;  0000-0002-5294-9125;

<sup>3</sup> UiTM Cawangan Kelantan; amirulhakimiothman99@gmail.com;

<sup>4</sup> UiTM Cawangan Kelantan; hezelsophia30@gmail.com;

\* Correspondence: rahmawati@uitm.edu.my; +60133595939.

**Abstrak:** Kajian ini adalah berasaskan kepada temu bual yang dibuat bersama penyanyi veteran muzik rock yang dikenali di Malaysia iaitu Mustaffa Din atau lebih dikenali sebagai Mus May. Temu bual dijalankan secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet yang mengambil masa selama 2 jam 30 minit. Objektif kajian ini dilaksanakan adalah bagi mengetahui latar belakang peribadi penyanyi Mus May, pengalaman beliau serta cabaran yang dihadapinya dalam dunia seni muzik. Penglibatan beliau dalam industri muzik rock tanah air bermula selepas menamatkan pengajian di Sekolah Menengah Ipoh, Perak pada sekitar tahun 1984. Beliau dan rakannya telah menubuhkan sebuah kumpulan muzik rock yang bernama Green Agnour. Beliau kemudian diberikan peranan sebagai vokalis kumpulan May bermula 1985. Beliau juga pernah menjadi vokalis beberapa kumpulan lain seperti Strangers dan Wings. Melalui sesi temu bual ini, pelbagai maklumat dapat dikumpulkan berkaitan kehidupan beliau sebagai anak seni, dan pencapaian bagaimana beliau sebagai salah seorang penyanyi yang terkenal pada sekitar tahun 80-90 an sehinggalah ke hari ini. Informasi hasil daripada temu bual ini boleh dijadikan iktibar kepada generasi muda yang ingin mengasah bakat di dalam industri muzik pada masa kini.

Kata kunci: Mus May, muzik, veteran, penyanyi, rocker.

DOI: 10.5281/zenodo.13968825

---



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Kajian ini dilakukan untuk menemu bual seorang penyanyi veteran muzik rock yang terkenal di Malaysia pada era 80-90 an yang bernama Mustaffa bin Din atau lebih ramai dikenali dengan nama Mus May. Melalui sesi temu bual secara dalam talian menggunakan aplikasi Google Meet, pelbagai maklumat berharga dari seorang artis veteran diperolehi, yang sukar didapati melalui pencarian di mana-mana sumber internet atau sumber bacaan yang lain. Perkongsian beliau mengenai kisah bermulanya penglibatan beliau dalam dunia seni muzik dengan mengasah bakat melalui beberapa kumpulan muzik amatlah menarik dan boleh dijadikan ilham khas kepada generasi muda yang ingin menceburi bidang nyanyian di dalam dunia industri muzik di Malaysia. Hasil perkongsian dari Mus May menggambarkan bagaimana beliau menjadi salah seorang penyanyi yang amat terkenal pada era emasnya seiring dengan penyanyi termasyhur di dalam industri muzik rock pada ketika itu seperti Dato' Hattan (Dato' Haji Mohd Shukri "Hattan" Shahabuddin) dan ratu rock Ella (Hajah Nor Zila Haji Aminuddin).

Sepanjang sesi temu bual bersama dengan Mus May, pengkaji mengemukakan beberapa soalan temu bual yang dirangka khusus untuk digunakan bagi kajian ini. Antara soalan-soalan yang dikemukakan kepada Mus May adalah berkenaan latar belakang kehidupan beliau dan seterusnya bagaimanakah bermulanya penglibatan beliau dalam dunia industri muzik di Malaysia kerana soalan ini amatlah penting untuk diketahui oleh pihak yang ingin mengenali lebih dalam tentang beliau. Pengkaji juga ingin mengambil tahu berkenaan pencapaian dan anugerah di dalam industri muzik sepanjang kerjayanya sebagai penyanyi untuk dicatatkan dalam biografi beliau di dalam industri muzik. Akhirnya, sesi temu bual ini juga mencatatkan cabaran yang beliau hadapi sebagai seorang artis veteran yang pernah meningkatkan industri muzik di Malaysia pada era 80-90 an.

## **2. PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian literatur mengenai artis muzik rock tanah air menunjukkan kekurangan dokumentasi berbentuk akademik mengenai latar belakang, penglibatan, pencapaian dan sejarah perkembangan kerjaya seni artis muzik tanah air. Majoriti bahan bacaan yang menulis tentang tentang artis atau seniman veteran di negara kita adalah daripada sumber keratan akhbar, laman media sosial seperti *facebook*, *blog* dan lain-lain yang lebih berbentuk topik berita semasa dan maklumat sosial dan hiburan. Pengkaji berpendapat bahawa perlu ada kajian yang berbentuk ilmiah yang disusun bagi merekodkan maklumat daripada para karyawan seni tanah air sebagai bahan rujukan untuk generasi akan datang sekaligus memastikan nama-nama artis veteran di negara kita tidak dilupakan sumbangan mereka di dalam industri ini.

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti latar belakang Encik Mustaffa bin Din yang lebih dikenali sebagai Mus May, sebagai salah seorang artis rock veteran di Malaysia. Hasil kajian ini boleh memberikan maklumat yang lebih tepat mengenai latar belakang peribadi dan kerjaya seni artis terkenal ini berdasarkan sumber primer yang diperolehi secara lansung daripada beliau sendiri. Di samping itu, hasil kajian ini juga memberikan gambaran tentang perkembangan industri muzik rock di Malaysia secara umum dan boleh dijadikan bahan penyelidikan bagi bidang seni muzik tanah air bagi para pengkaji di masa akan datang.

## **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan artis veteran muzik rock tanah air Encik Mustaffa Din. Objektif-objektif kajian ini adalah seperti yang dinyatakan bawah:

- i. Mengetahui sejarah penglibatan serta pengalaman Mus May sebagai penyanyi yang terkenal di Malaysia pada era 1980 an sehingga 1990 an.
- ii. Mengumpul informasi tentang anugerah dan pencapaian Mus May sepanjang kerjayanya sebagai penyanyi yang terkenal di Malaysia.
- iii. Mengetahui cabaran yang dihadapi oleh Mus May sepanjang kerjayanya sebagai penyanyi yang terkenal di Malaysia.

#### 4. PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai soalan-soalan yang sangat penting untuk membantu dalam mencari maklumat yang digunakan untuk mencapai objektif-objektif kajian. Soalan-soalan tersebut adalah seperti yang telah dinyatakan di bawah:

- i. Bagaimanakah Encik Mus memulakan kerjaya sebagai penyanyi di dalam industri muzik di Malaysia?
- ii. Apakah pencapaian dan anugerah yang pernah Encik Mus perolehi sepanjang menceburi bidang nyanyian?
- iii. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Encik Mus dalam industri muzik?

#### 5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Dunia muzik di Malaysia dipenuhi pelbagai jenis muzik tradisional dan muzik kontemporari. Muzik adalah sebahagian daripada seni dalam budaya masyarakat berbilang bangsa dan etnik. Ia seakan hidup bersama masyarakat dalam kehidupan harian mereka bermula daripada sebagai hiburan di dalam keluarga kecil sehingga ke peringkat hiburan di pentas-pentas besar dalam kalangan komuniti desa dan bandar. Para ibu mendodoikan anak-anak dengan lagu-lagu tersendiri pilihan mereka, bahkan muzik juga dijadikan mata pelajaran dalam kurikulum di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi. Muzik yang dahulunya popular dalam televisyen telah beralih pentas ke dunia *YouTube*, *Joox*, *Spotify*, *TikTok* dan pelbagai wadah hiburan yang lain.

Kajian ini diharapkan akan menyumbang kepada penambahan sumber informasi berkenaan perkembangan seni muzik tanah air serta para karyawan muzik rock yang pernah mewarnai dunia muzik di Malaysia. Tokoh yang ditemu bual juga mampu memberikan pandangan beliau tentang bidang muzik yang boleh dijadikan contoh dan model kepada masyarakat melalui dokumentasi sejarah lisan ini. Nukilan ini akan menceritakan latar belakang Encik Mus sehinggalah kepada pandangan dan pendapat beliau terhadap industri muzik pada masa kini untuk diketahui umum. Penerbit program dan media massa juga mungkin akan lebih cenderung untuk mengadakan program realiti berkisarkan artis veteran agar mereka terus dikenali oleh masyarakat. Malah, Encik Mus May juga boleh memberi nasihat atau pandangan kepada artis yang baru menyertai industri seni sambil menjana pendapatan dengan menyertai program televisyen atau temu bual secara dalam talian dalam bentuk *podcast*, *live chat* dan sebagainya.

#### 6. TINJAUAN LITERATUR

Kajian berkenaan seni muzik di Malaysia agak banyak dalam kalangan akademia, namun pengkaji mendapati kekurangan kajian ilmiah yang menyentuh secara khusus dan terperinci mengenai seni muzik rock di Malaysia (Juris et al., 2024; Rahman, 2011). Muzik di Malaysia berkembang dalam masyarakat yang berbilang bangsa hasil percampuran dan hubungan sosial serta pengaruh dari bangsa India, China, Arab dan Eropah (Abd Azis & Isam, n.d.). Satu kajian telah dijalankan untuk menganalisis bagaimana, pada evolusi tertentu muzik rock popular Malaysia "berdisiplin" untuk memberi laluan kepada kebangkitan genre muzik lain seperti Balada Nusantara (Irama Malaysia) dan Nasyid pop (Ibrahim, 2015). Industri muzik di Malaysia juga mendapat perhatian ramai apabila anugerah dan pengiktirafan diberikan kepada karyawan seni muzik dengan pelbagai anugerah berprestij dalam pertandingan Juara Lagu dan Anugerah Industri Muzik Malaysia (AIM), sama seperti Anugerah Planet Muzik (APM) di Singapura dan Anugerah Muzik Indonesia (AMI) di Indonesia (Mohd Azam, 2015).

Bidang seni muzik juga sering dikaitkan dengan pendidikan seni di Malaysia dan mendapat perhatian daripada pelbagai institusi pendidikan rendah dan tinggi yang menawarkan mata pelajaran seni muzik dalam kurikulum yang ditawarkan. Malah terdapat kajian berkenaan penggunaan gred dan penilaian serta pensijilan bagi kursus muzik berasaskan pensijilan peringkat antarabangsa (Saidon & Shah, 2015). Meskipun demikian, terdapat kajian menyatakan bahawa jenis muzik yang diminati oleh golongan muda di Malaysia adalah berdasarkan jenis muzik yang sering mereka dengar di luar bilik darjah dan antara jenis genre muzik yang mendapat tempat di kalangan golongan muda ialah pop, rock, hiphop, heavy metal, dan blues (Shah, 2006).

Muzik rock dipercayai masuk ke Malaysia dan Singapura melalui siaran radio bermula pada tahun 1950an (Luew & Fu, 2006). Genre muzik rock kapak dan heavy metal yang merupakan budaya yang berasal dari negara barat telah mendapat tempat dalam kalangan pemuda di Malaysia meskipun budaya rock ini dikatakan agak tidak sesuai dengan budaya masyarakat tempatan disebabkan penampilan pemuzik dan penyanyi rock yang berambut panjang dan berseluar ketat serta gaya nyanyian yang menghayung kepala (Ferrarese, 2016). Disebabkan penampilan dan gaya persembahan nyanyian rock ini yang dilihat seperti agak tidak sesuai dengan norma masyarakat yang lebih mementingkan nilai budaya dan agama di Malaysia, kemunculan awal kumpulan-kumpulan penyanyi rock lebih kepada tidak menonjolkan diri di pentas-pentas utama seni tanah air (Saffian et al., 2016). Namun lama kelamaan mereka telah mula mendapat perhatian, dan peminat yang semakin ramai menunjukkan pengiktirafan masyarakat umum kepada seni muzik rock ini di Malaysia.

Mus May merupakan artis rock tanah air, seorang komposer dan penulis lirik lagu serta pernah memainkan watak bapa bunian dalam filem *Hantu Kak Limah* (Aiman, 2021). Beliau mula bergiat dalam seni muzik rock dengan beberapa kumpulan rock terkenal seperti May, Strangers dan Wings. Beliau juga pernah bergiat aktif secara solo apabila memilih untuk meninggalkan kumpulan rock yang dianggotainya (Abdul Rahman, 2020). Beliau pernah memenangi beberapa anugerah muzik dan terkini menjadi naib johan dalam *Gegar Vaganza 7* pada tahun 2020 yang melayakkan beliau membawa pulang wang tunai RM50, 000 dan trofi tajaan Astro (Johar, 2020). Beliau pernah diuji dengan sakit yang berat dan koma selama beberapa hari pada tahun 2017 dan kembali sihat, namun tidak lagi bergiat aktif seperti sebelum diuji dengan kesakitan (Hashim, 2018). Artis rock veteran ini sentiasa mendapat jemputan nyanyian sehingga kini menandakan beliau masih lagi diperlukan untuk memeriahkan dunia hiburan tempatan. Beliau antara artis rock yang dijemput bagi memeriahkan *Konsert Rock Legenda Berzaman* di ibu kota Kuala Lumpur pada Februari 2024 (Mahmud, 2024).

## 7. METODOLOGI

Kajian sejarah lisan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual sebagai cara utama maklumat dikumpulkan daripada seseorang tokoh. Sejarah lisan ialah satu kaedah di mana sejarah atau kenangan yang berlaku kepada seseorang tokoh yang dirakamkan secara temu ramah. Selain itu, sejarah lisan juga adalah untuk memperolehi maklumat daripada tokoh secara temu ramah yang kemudiannya disalin dan ditaip. Selepas itu, salinan akan disemak terlebih dahulu sebelum diguna pakai sebagai bahan penyelidikan dan pengajaran.

Kajian sejarah lisan boleh dikatakan sebagai satu pengalaman baharu dan mengujakan bagi seseorang individu yang menjalankan kajian kerana dapat melihat dari pelbagai aspek dan mengenali dengan lebih dekat keperibadian seseorang tokoh. Kajian sejarah lisan juga merupakan satu bidang yang sangat luas kerana ia boleh melibatkan semua lapisan masyarakat. Justeru itu, tidak ada batasan atau had tertentu dalam pemilihan tokoh dalam kajian merangkumi rakyat biasa, ketua masyarakat, gabenor, kabinet, menteri, orang korporat, penulis buku, pengarah dan sebagainya.

Terdapat beberapa kaedah pengumpulan data yang sering digunakan dalam penyelidikan iaitu temu bual dan penyelidikan maklumat terhadap artikel di laman web. Objektif dan jenis penyelidikan harus dikenal pasti terlebih dahulu sebelum pengkaji menjalankan temu bual dengan tokoh tersebut. Sekiranya pengkaji gagal menggunakan kaedah pengumpulan data yang tepat dan bersesuaian, maklumat yang dikumpul mungkin tidak memenuhi piawaian dalam sesi temu bual atau kesahihan maklumat tidak boleh digunakan.

Pengkaji telah mengaplikasikan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data di mana ia dijalankan dengan temu bual menggunakan platform Google Meet bersama tokoh tersebut. Pita rakaman dan telefon bimbit digunakan untuk merekodkan temu bual yang dijalankan bersama tokoh dan menjadi salah satu bukti kukuh yang merekodkan segala maklumat yang telah dikongsikan oleh tokoh tersebut. Selain itu, proses pengumpulan data ini disokong oleh sumber maklumat sekunder yang ada berkaitan seni muzik rock di Malaysia.

## 8. HASIL KAJIAN

Kajian ini hanya menjurus kepada kajian tokoh dalam salah satu genre seni muzik di tanah air iaitu muzik rock yang mula popular di Malaysia sekitar tahun 1980. Hasil kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu latar belakang peribadi tokoh, penglibatan beliau dalam dunia seni muzik rock serta pencapaian beliau dan akhirnya cabaran yang beliau hadapi dalam dunia seni muzik.

### 8.1 Latar Belakang Peribadi Tokoh

Encik Mustaffa bin Din dilahirkan di Perak dan mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Douglas dan juga Sekolah Menengah Jalan Label, Ipoh, Perak. Beliau mempunyai dua orang kakak, Rohani binti Din dan Rohaya binti Din, dan beliau merupakan anak bongsu daripada tiga orang adik beradik. Beliau seorang pelajar yang agak aktif dalam bidang sukan dan pernah mewakili sekolah dalam sukan hoki dan bola sepak. Beliau yang sekarang ini menetap di Kuala Lumpur mendirikan rumah tangga dengan Suraya Bahari pada tahun 1997 dan belum dikurniakan rezeki cahaya mata. Beliau mempunyai hobi menanam bunga dan melukis di waktu lapang, selain minat utama beliau menyanyi dan menghabiskan masa di studio beliau.

Encik Mus May berpegang kepada prinsip hidup yang kita mesti sentiasa berusaha memastikan apa jua yang dirancang akan dicapai dengan sebaik mungkin. Lakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh dan pastikan ada perancangan yang jelas, serta setiap perancangan yang dibuat mestilah diikuti dengan sebaiknya. Meskipun apa yang dirancang tidak tercapai sepenuhnya, namun usaha mestilah selaras dengan perancangan yang telah dibuat lebih awal. Mus May mendapat gelaran "May" di belakang namanya apabila beliau mula menjadi ahli kumpulan penyanyi rock "May" yang ditubuhkan sempena nama ahli-ahli kumpulan tersebut pada tahun 1986.

### 8.2 Kerjaya Seni dan Pencapaian Tokoh

Encik Mus minat menyanyi semenjak di zaman persekolahan dan mula berkecimpung dalam seni muzik rock secara agak serius sekitar tahun 1985 apabila beliau dan rakan-rakan menubuhkan kumpulan *band* mereka 'Green Agnour'. Beliau kemudian dikenali sebagai Mus May apabila beliau bersama beberapa rakan seni menubuhkan kumpulan "May" dan gelaran ini kekal popular sehingga ke hari ini meskipun beliau sekarang sudah tidak bersama kumpulan May. Pada peringkat awal, beliau mendapat inspirasi daripada nyanyian penyanyi rock Dato Ramli Sarip yang bersama Kumpulan 'Sweet Charity'. Kumpulan rock lain yang juga menjadi rujukan beliau di Malaysia pada masa itu ialah kumpulan 'Search' dan juga kumpulan rock luar negara seperti 'Iron Maiden' dan 'Loudness'. Encik Mus

dan kumpulan May menerbitkan album pertama mereka 'Dilema' dengan kerjasama daripada Raymond Lim, dan seterusnya album kedua 'Hakikat' yang berjaya meraih jualan yang tinggi pada tahun 1988 dengan penerbit Thomas Ham.

Beliau pernah dinobatkan sebagai penyanyi terbaik dalam Juara-Juara Rock dan memenangi anugerah bagi kategori Album Rock Terbaik bersama Kumpulan May selama tiga tahun berturut-turut 2003-2005 dalam Anugerah Industri Muzik (AIM). Pada tahun 2020, beliau merupakan salah seorang daripada peserta *Gegar Vaganza* musim ketujuh di mana beliau berjaya dinobatkan sebagai naib juara. Mus May lebih cenderung kepada heavy metal rock dan ini dapat dilihat dalam persembahan beliau melalui lagu-lagu yang beliau nyanyikan secara solo seperti "Cintamu Mekar di Hati", "Dari Lena yang Panjang", dan "Dunia". Beliau juga pernah bergandingan dengan penyanyi rock lain seperti Amuk (nama sebenar Nasabandi bin Jumat) dalam lagu "Sendiri" dan bergandingan dengan Awie (nama sebenar Dato' Ahmad Azhar Othman) dari kumpulan Wings dalam lagu "Srikandi Cintaku".

### *8.3 Cabaran Dihadapi Tokoh Sebagai Artis*

Cabaran yang dihadapi Encik Mus dalam arena seni muzik adalah lebih kepada turun naik permintaan sebagai penyanyi. Sebagai contoh beliau berpendapat album pertama kumpulan mereka 'Dilema' telah menemui kegagalan kerana tidak mencapai jualan yang dikehendaki. Namun kejayaan penjualan album kedua mereka 'Hakikat' telah memberikan kelegaan dan kepuasan hati kepada mereka. Beliau juga pernah berpisah dari kumpulan May selama beberapa tahun dengan menyertai kumpulan lain seperti Wings dan Strangers, dan selepas itu kembali kepada kumpulan May. Akhirnya beliau mengambil keputusan untuk bergerak secara solo dan berpisah buat kali kedua dengan kumpulan May pada 2019 sehingga kini.

Encik Mus juga pernah diuji dengan kesihatan yang merosot pada tahun 2017 sehingga beliau terpaksa ditidurkan dan koma selama beberapa hari. Kesihatan beliau kembali pulih namun beliau merasakan kesihatan beliau tidak membenarkan beliau aktif dalam kerjaya muzik dalam tempoh setahun selepas itu. Kini beliau telah kembali meneruskan aktiviti sebagai karyawan seni muzik rock namun beliau akui tidak lagi lincah seperti dahulu.

Daripada kajian ini, kami juga mendapati bahawa pada zaman sekarang, adalah lebih mudah untuk merealisasikan impian dan minat kita kerana era digital telah mengubah cara kita mendapatkan maklumat. Berbeza dengan dahulu, di mana usaha yang berterusan diperlukan untuk memperoleh maklumat tentang lagu dan perkembangan industri muzik, yang ketika itu masih bergantung kepada teknologi analog dan pita suara. Oleh itu, generasi zaman sekarang haruslah bersyukur dan menggunakan peluang ini untuk terus kekal bersemangat dan membuat kelainan dalam industri muzik supaya sentiasa diingati dan dijadikan contoh. Seterusnya, seniman juga perlulah sentiasa konsisten dalam sesuatu usaha dan perancangan supaya industri muzik negara kita sentiasa maju dan tidak mundur di mana seseorang seniman itu haruslah sentiasa peka dan tahu perkembangan semasa supaya dapat membuat lagu atau projek yang sesuai dengan zaman sekarang dan mendapat sambutan daripada peminat.

Akhir sekali, kajian ini membolehkan seseorang itu untuk memilih kerjaya ini sebagai pilihan utama di masa hadapan. Hal ini disebabkan pengalaman kerjaya Encik Mus yang bermula melalui sekolah menengah biasa mampu mengubah masa depan seseorang untuk lebih yakin dengan kerjaya ini. Dengan adanya penulisan ini, para penyelidik boleh menyelami kepribadian beliau yang telah berjaya dengan menyumbang kepakaran dalam kerjaya penyanyi di dalam bidang industri muzik ini. Oleh itu, semua pihak tidak perlu memandang rendah dengan memilih pendapatan dan pangkat yang

lebih tinggi semata-mata karena semua kerjaya itu perlu dilakukan dengan seikhlas hati untuk memartabatkan ilmu pengetahuan ke arah yang lebih baik.



Gambar 1: Encik Mustaffa Din atau Mus May

## 9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, Encik Mustaffa bin Din adalah antara tokoh seniman dalam bidang industri muzik yang mempunyai banyak pengalaman sebagai penyanyi, komposer, penulis lirik lagu dan pelakon. Beliau seorang yang sangat spontan dan santai dalam sesi menemu ramah dan menceritakan tentang kisah hidupnya dengan bersahaja. Walaupun beliau jatuh sakit yang agak teruk dan jarang ditemui pada tahun 2017, beliau bangkit dan menyertai program *Gegar Vaganza* dan mendapat sambutan yang ramai. Jelaslah bahawa beliau seorang yang tidak mudah putus asa dan bekerja keras sebagai penyanyi. Beliau juga seorang yang sangat merendah diri dan menghargai peminatnya kerana sentiasa mengikut permintaan mereka untuk menyanyi lagu yang bernada tinggi walaupun beliau harus menjaga kesihatan dan tidak boleh aktif seperti dahulu.

Beliau juga mempunyai prinsip bahawa seorang artis itu perlulah sentiasa memperbaiki kekurangan pada diri dan tidak memandang rendah kepada artis muda baharu kerana setiap orang mempunyai bakat tersendiri. Malah, beliau juga berharap dapat berduet dengan artis baharu serta dapat belajar bersama-sama dan bertukar pendapat. Akhir kata, kita boleh lihat melalui Mus May bahawa artis-artis veteran ini merupakan salah satu sebab wujudnya sesebuah legasi di dalam bidang nyanyian dan juga lakonan kepada generasi muda yang ingin meneruskan zaman kegemilangan artis-artis veteran yang telah memberikan inspirasi kepada mereka.

## RUJUKAN

- Abd Azis, M. H. B., & Isam, H. (n.d.) Expression of music culture in Malaysia and Indonesia: Analysis of musical aspects. *Turkish Journal of Physiotherapy and Rehabilitation*, 32, 3.
- Abdul Rahman, R. (2020, Januari 2) Mus buka buku baru, lupakan kisah lama. *MyMetro*. <https://www.hmetro.com.my/rap/2020/01/531391/mus-buka-buku-baru-lupakan-kisah-lama>
- Aiman. (2021, October 24). Watak Kecil Beri Impak Besar, Mus May Kongsi Pengalaman Bekerja Dengan Mamat Khalid. *VOCKET*. Retrieved from: <https://www.thevocket.com/watak-kecil-beri-impak-besar-mus-may-kongsi-pengalaman-bekerja-dengan-mamat-khalid/>
- Ferrarese, M. (2016). Southeast Asian glamour: the strange case of rock kapak in Malaysia. In *Global Glam and Popular Music* (pp. 232-244). Routledge.

- Hashim, Q. (2018, September 11). Dah 50 tahun, tak boleh terlalu lincah" - Mus (May). <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2018/09/11/mus-may>
- Ibrahim, Z. (2015). *Disciplining Rock Music and Identity Contestations: Hybridization, Islam and New Musical Genres in Contemporary Malaysian Popular Music*. Institute of Asian Studies, Universiti Brunei Darussalam.
- Johar, J. (2020, Disember 16). Cliff layak menang... nasib baik saya dapat tempat kedua GV7, kalau tak tentu frust teruk!" - Mus May. Mstar. <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2020/12/16/cliff-layak-menang-nasib-baik-saya-dapat-tempat-kedua-gv7-kalau-tak-tentu-frust-teruk---mus-may>
- Juris, A., Hazmi, A. H., Rafedzi, E. R. K., & Jali, J. M. (2024). Irama muzik keroncong: Warisan seni muzik Melayu yang kian dilupakan. *Jurnal Kajian Lisan Malaysia*, 2.
- Liew, K. K., & Fu, K. (2006). Conjuring the tropical spectres: heavy metal, cultural politics in Singapore and Malaysia. *Inter-Asia Cultural Studies*, 7(1), 99-112.
- Mahmud, F.S. (2024, Februari 8). Sembilan vokalis rock kapak gegar Bukit Bintang. BH Online. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriiti/2024/02/1210136/sembilan-vokalis-rock-kapak-gegar-bukit-bintang>
- Mohd Azam, S. (2015). Analisis Melodi dan Seni Kata Lagu Terbaik Industri Muzik Malaysia, Indonesia dan Singapura tahun 2013: Analysis of the Melody and Lyrics of the Best Songs from Malaysia, Indonesia and Singapore in 2013. *Malaysian Journal of Music*, 4(2), 91-116.
- Rahman, M. L. A. (2011). Mek Mulong: antara persembahan dan ritual perubatan di Malaysia. *SOSIOHUMANIKA*, 4(1).
- Saffian, K. A., Noor, K. D. M., & Ann, Y. P. (2016, November). What's up indie? The Malaysia context. In *Empowering society: Transdisciplinary research in the performing arts*. Proceedings of the 2nd International Music & Performing Arts Conference (pp. 165-170).
- Saidon, Z. L., & Shah, S. M. (2015). Penilaian dan pensijilan bagi muzik tradisional Malaysia berdasarkan model peperiksaan muzik bergred antarabangsa: Assessment and certification of traditional Malaysian music based on the international graded music exam model. *Malaysian Journal of Music*, 4(1), 47-66.